

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANG-
KAP CANSOLOR UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA, DI MAJLIS KONVOKESYEN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI
DEWAN BANQUET, BANGUNAN PARLIMEN,
KUALA LUMPUR PADA 23HB JUN, 1973

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Hadirin yang mulia,

Saat dan ketika ini adalah yang paling berbahagia bagi diri saya dengan kerana perasmian lantikan saya sebagai Cansolor Universiti Kebangsaan ini.

Penghormatan yang besar dan mulia ini saya terima dengan perasaan tawaduk dan penuh keinsafan atas tanggungjawab yang disertakan dengan kemuliaan jawatan itu.

Saya bersyukur kepada Allah yang Maha Kuasa atas rahmat dan limpah kurniaNya itu. Begitu juga saya mengambil kesempatan ini menzahirkan perasaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Universiti ini dan juga kepada rakan-rakan saya yang memberikan sokongan dan dorongan bagi menerima jawatan ini. Dengan izin Allah, saya akan berusaha sedaya upaya memberikan segala tenaga yang ada pada diri saya bagi menunaikan tugas dan tanggungjawab saya terhadap perkembangan dan kemajuan Universiti Kebangsaan Malaysia ini.

Pada hari yang berbahagia ini, saya dengan amat sukacita mengalu-alukan para wakil beberapa Universiti jauh dan dekat yang telah sudi datang untuk menyertai Majhs Konvokesyen yang pertama diadakan oleh universiti ini. Kehadiran mereka itu sangatlah dihargai sebagai sumber inspirasi kepada Universiti Kebangsaan di samping mempereratkan hubungan kerjasama akademik antara kita dengan mereka itu.

Hadirin yang mulia,

Mengambil sempena hari yang bertuah ini, sukaulah saya mengemukakan sedikit sebanyak pandangan berkenaan dengan Universiti dan hubungannya dengan kepentingan negara sambil menekankan

perhatian kepada Universiti Kebangsaan ini dalam memenuhi hasrat masyarakat dan negara.

Kita semua sedia maklum bahawa Universiti sebagai pusat pengajian yang tertinggi mempunyai peranan besar dalam pembangunan bangsa. Apatah lagi dalam zaman moden ini dan semasa kita sedang menitikberatkan usaha terhadap pembinaan masyarakat Malaysia baru yang dapat menguasai serta mempergunakan kemajuan sains dan teknologi yang ada hari ini.

Dalam context ini, pendidikan Universiti adalah kemuncak atau apex pendidikan seseorang dalam sistem pelajaran negara iaitu setelah ia melalui tempoh pendidikan di peringkat rendah dan menengah sehingga melayakkan dirinya untuk maju ke peringkat Universiti.

Akan tetapi, patutlah diingat bahawa bagi menubuhkan sebuah Universiti, negara terpaksa mengeluarkan wang yang banyak bukan saja pada peringkat permulaan bahkan pada setiap tahun bagi belanja pentadbiran dan pengurusannya.

Bagi Universiti Kebangsaan ini, Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah yang agak besar untuk membina kampus di Bangi selain dari perbelanjaan yang diperlukan bagi menambah ruangan dan kemudahan-kemudahan penting di tempat yang ada sekarang. Begitu juga dengan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain seperti Universiti Malaya, Universiti Sains, Universiti Pertanian dan Institiut Teknologi Kebangsaan.

Oleh yang demikian, tidaklah salah kalau dikatakan bahawa pendidikan Universiti bukan saja satu peluang bahkan satu keistimewaan atau privilege bagi seseorang kerana bukan semua orang dapat menikmati pendidikan itu. Samada seorang mahasiswa belajar dengan mendapat biasiswa Kerajaan ataupun secara persendirian, ia tidaklah dapat lari dari hakikat bahawa ianya adalah seorang yang bertuah kerana mendapat keistimewaan itu.

Saya suka menegaskan lagi di sini khususnya mengenai Universiti Kebangsaan ini, adalah mustahak wang yang sedemikian banyak itu digunakan dengan sebaik-baiknya dalam ertikata bahawa mahasiswa-mahasiswa yang mendapat peluang keemasan di sini menggunakan sepenuh masa mereka bagi melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan supaya dapat berbakti kepada negara. Dengan lain-lain perkataan, kaum mahasiswa hendaklah memenuhi

hakikat 'noblesse oblige' iaitu rasa kesedaran bahawa mereka diberi keistimewaan oleh masyarakat dan oleh itu sewajibnya membayar semula hutang bakti kepada masyarakat.

Hadirin yang mulia,

Memandang dari segi pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi yang tunggal, Universiti Kebangsaan ini merupakan puncak dari usaha kita ke arah memenuhi hasrat dan cita-cita itu. Universiti ini ditubuhkan khusus bagi memenuhi tuntutan dan aspirasi rakyat yang ingin melihat bahasa ibunda mempunyai kedaulatan dan kedudukan yang sewajarnya dalam usaha menentukan keperibadian nasional Malaysia.

Meskipun matlamat negara mengenai pelaksanaan Bahasa Malaysia di peringkat Universiti dijadualkan pada tahun 1983, iaitu sepuluh tahun dari sekarang, Universiti Kebangsaan telahpun mendahului matlamat ini dari mula-mula lagi kerana ianya telahpun menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perantaraannya sejak ditubuhkan tiga tahun dahulu.

Pengurniaan ijazah pada hari ini kepada siswazah-siswazah yang julung kali dikeluarkan oleh Universiti Kebangsaan adalah membuktikan kebijaksanaan langkah yang telah kita ambil mengenai sistem pengajaran di sini. Bagaimanapun, kita hendaklah sentiasa sedar bahawa pengetahuan bahasa kedua sangatlah penting dan dalam hubungan ini, Bahasa Inggeris telahpun dijadikan mata pelajaran yang wajib bagi semua mahasiswa tanpa mengira jurusan pelajaran mereka. Tidaklah benar anggapan bahawa kita boleh memadai dengan Bahasa Malaysia saja oleh kerana sebahagian besar sumber ilmu pengetahuan hanya didapati menerusi bahasa Inggeris. Tambahan pula, pengetahuan bahasa kedua sangatlah mustahak bagi mahasiswa itu sendiri dalam career mereka kelak dan dalam dunia akademik untuk bertukar-tukar pengalaman dan pengetahuan supaya dapat meningkatkan lagi taraf dan mutu pengajaran dan penyelidikan ilmiah yang dijalankan oleh Universiti ini.

Namun saya percaya bahawa Bahasa Malaysia, sebagai satu bahasa yang hidup, akan terus berkembang maju menjadi bahasa ilmu pengetahuan moden di samping bahasa-bahasa lain. Kita sama-sama berharap dengan meningkatnya kemajuan ilmu pengetahuan dan penyelidikan ilmiah di Universiti ini, terutama di

dalam bidang kebudayaan Bumiputra, maka ianya akan menjadi tumpuan sarjana-sarjana bukan saja dari rantau Asia Tenggara ini bahkan juga dari seluruh dunia.

Kalau di satu masa dahulu, Leiden dan London menjadi tumpuan para sarjana yang ingin mendalami tentang selok-belok sejarah dan sosiologi rakyat di rantau ini, besarlah harapan kita agar Pusat-pusat Pengajian Tinggi di tanahair akan dapat mengambil alih peranan yang penting itu pada masa hadapan.

Hadirin yang mulia,

Menyambung lagi tentang tugas dan peranan Universiti di negara kita, khususnya Universiti Kebangsaan ini, kita benar-benar ingin supaya Pusat-pusat Pengajian Tinggi menyumbangkan tenaga dan fikiran bagi mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang dinamis dan progresif yang sanggup menerima perubahan-perubahan sesuai dengan aliran zaman. Perkembangan dan kemajuan negara di masa akan datang adalah bergantung kepada keperibadian dan quality rakyatnya dan dengan itu peluang pendidikan peringkat tinggi atau tertiary education patutlah terbuka luas kepada bilangan yang seberapa ramai.

Pusat-pusat Pengajian Tinggi bukanlah untuk mengeluarkan siswazah saja tanpa mengira quality bahkan Universiti-universiti di negara kita adalah dikehendaki mengeluarkan siswazah-siswazah yang berhemah tinggi di samping mempunyai kesedaran atas tanggungjawab mereka kepada masyarakat dan matlamat membina negara Malaysia yang stabil, aman damai dan bersatu seperti yang diterap dalam Rukunegara.

Tegasnya, dalam context memenuhi cita-cita nasional, Universiti dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi seharusnya memberikan sumbangan penuh terhadap perkembangan dan kemajuan sumber manusia yang ada di dalam negara serta berusaha menggerakkan proses pembaharuan dan memperkayakan perbendaharaan ilmu pengetahuan di samping meninggikan taraf kebudayaan dan tamaddun manusia.

Dari aspek pembangunan ekonomi negara, fungsi Universiti ialah mengumpulkan tenaga manusia yang ahli dalam berbagai bidang dan jurusan dengan tujuan supaya daya pemikiran dan pengetahuan ikhtisas yang ada pada mereka itu dapat dipergunakan sepenuhnya bagi meninggikan taraf hidup rakyat dalam negara yang makmur dan aman sentosa. Dan dalam bidang politik pula, Universiti adalah

tapak semaian bagi melahirkan tenaga intelek yang mempunyai pandangan jauh untuk menggerak dan menyalurkan motivation rakyat menuju hari depan yang lebih cerah sambil menjamin kehidupan demokrasi serta hak-hak asasi rakyat dalam negara yang progresif dan maju.

Begitulah pada hemat saya tugas dan fungsi Universiti Kebangsaan ini, sebagai sebuah Pusat Pengajian yang melambangkan hasrat dan cita-cita kita. Akan diingat bahawa Universiti ini masih awal usianya—ibarat kata bidalan hanya berumur setahun jagung—dan baru dapat mengeluarkan angkatan pertama siswazahnya tahun ini. Akan tetapi, pada saat dan ketika inilah ianya menghendaki bimbingan dan sokongan dari seluruh masyarakat supaya benar-benar memainkan peranannya dengan baik dan sempurna.

Dengan rasa kesedaran inilah maka Universiti Kebangsaan ini bersedia seberapa daya untuk mengeluarkan para siswazah yang mempunyai seimbangan dalam ertikata arif bijaksana di samping sains amal, berkeperibadian di samping kemahiran teknik, sambil berpegang teguh pada nilai-nilai hidup yang agung dan mulia.

Dalam context yang lebih luas, Universiti ini akan menjadi pusat tumpuan membina keperibadian nasional berlandaskan prinsip-prinsip Rukunegara—the University should produce balanced graduates, combining academic wisdom and practical science, character and professionalism and having a firm grip on the essential social values ensuring a deep sense of humanity and the continuance of our civilization. The University will also be the focal point of building our national identity and unity based on Rukunegara as our precious guide.

Hadirin yang mulia,

Kehidupan dunia moden hari ini adalah lebih complex dengan masalah-masalahnya dan meskipun kita juga ingin melihat kemajuan di bidang sains dan teknologi, amatlah mustahak pula diperhatikan supaya ada imbangan antara keperluan rohani dan kebendaan. Pusat-pusat Pengajian Tinggi seperti Universiti Kebangsaan ini sewajibnya memenuhi kedua-dua kehendak iaitu cerdik pandai dan bukan tukang semata-mata—wisdom and not only trade.

Memanglah benar kita menghendaki ahli-ahli sains akan tetapi tidaklah bermakna semata-mata ahli-ahli sains sahaja. Masyarakat memerlukan ahli-ahli dalam bidang seni dan sastera, bidang

hukum, bidang ekonomi dan kewangan, dan juga ahli-ahli politik. In this modern era, it is true that we want scientists but not a world of scientists; we want also Engineers, lawyers, writers, artists, a few financiers, and even politicians to keep the scientists in their proper places.

Hadirin yang mulia,

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan pujian kepada para siswazah angkatan pertama yang telah menerima ijazah mereka sebentar tadi. Tidak syak lagi, mereka itu—dan juga bagi sanak saudara mereka yang bersama-sama menyaksikan upacara hari ini—ini adalah saat yang lama ditunggu-tunggu kerana upacara ini adalah climax dari usaha dan ketekunan mereka menyelami lubuk pengetahuan selama tiga tahun lalu.

Kejayaan mereka dalam perlumbaan mengejar ilmu pengetahuan tidaklah boleh dikatakan milik peribadi bahkan menjadi kemegahan dan punca inspirasi bagi bakal-bakal siswazah yang mengusul kemudiannya dan juga bagi Universiti ini sendiri. Angkatan 73 ini bolehlah disifatkan sebagai perintis jalan dalam ertikata yang sepenuhnya oleh kerana merekalah yang akan menguji penerimaan masyarakat dan membuktikan kepada khalayak umum akan kemampuan serta kesanggupan mereka berbakti kepada masyarakat dengan ilmu yang mereka perolehi itu.

Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa pendidikan liberal yang mereka perolehi sebagai mahasiswa di samping disiplin diri serta rasa tanggungjawab yang ditanamkan dalam hati sanubari mereka, maka sudah sepatutnya para siswazah yang berada di depan kita dapat memberikan mutu pimpinan yang tinggi apabila tiba waktunya kelak mereka mengambil alih pimpinan negara daripada pimpinan yang ada hari ini.

Hadirin yang mulia,

Majlis Konvokesyen yang pertama diadakan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia ini memulakan satu babak penting dalam lembaran sejarahnya. Adalah harapan kita bersama semuga Universiti ini sebagai sebuah Institusi yang lahir dari hasrat suci rakyat akan menjadi lambang cita-cita dan sumber inspirasi jenerasi kita dan jenerasi-jenerasi berikutnya, ibarat obor yang jadi penyuluh jalan ke arah masa depan yang gemilang untuk negara ini dikurniai Allah aman makmur dan berbahagia zaman berzaman.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang menyampaikan ijazah kepada Encik S. Indralingam semasa konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 23hb Jun, 1973.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)